



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
*The National University
of Malaysia*

BULETIN

BILIK GERAKAN COVID-19 HCTM

22 April 2020



Vol. (5) 2020



Kita Mesti Menang!!!

COVID-19

PENGESANAN KONTAK : WHAT WE DO??

Pengesanan kontak adalah satu proses dalam pengendalian serta kawalan kes positif COVID-19. Ia bermula selepas penerimaan makluman kes positif COVID-19 daripada unit penyaringan kes.

eISSN 2716-6368



9 772716 636002

TERBITAN :
Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000
Cheras, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



TELEFON : 0391454949/4959
EMAIL : cprchctm@ppukm.ukm.edu.my

PENGESANAN KONTAK : APA YANG PERLU ANDA TAHU

Proses pengesanan kontak kes positif COVID-19 adalah penting untuk mengenal pasti kontak rapat kepada kes positif COVID-19, supaya tindakan lanjut dapat dilakukan segera untuk mengawal serta mengelakkan penularan penyakit COVID-19.

Setiap kontak akan dikenal pasti sama ada merupakan kontak kes dalam HCTM atau luar HCTM. Sekiranya kes positif tersebut adalah dari HCTM, maklumat asas seperti nama dan nombor telefon kontak di kalangan kakitangan HCTM akan dikenal pasti melalui kerjasama oleh Ketua Jabatan/ Penyelia wad/ Bahagian mengikut tarikh kronologi kes.

Penilaian risiko akan dijalankan bagi setiap kontak berpandukan *Guideline COVID-19 Management in Malaysia* Edisi Kelima bagi mengenal pasti kontak yang memerlukan pemantauan, pengambilan sampel mahupun penetapan jangka masa kuarantin.

Mereka diberikan borang penyaringan kontak secara atas talian bagi melengkapkan informasi untuk keperluan Bilik Gerakan. Semua borang penyaringan kontak akan disemak setiap hari untuk mengemaskini informasi ke dalam senarai utama penyaringan kontak.

Para kontak akan sentiasa dimaklumkan dengan informasi terkini dan penting oleh unit penyaringan kontak seperti tarikh kuarantin bermula dan tamat, tarikh pengambilan sampel pertama dan kedua di makmal, serta keputusan makmal yang diperolehi oleh kontak.

Tahap kesihatan setiap kontak akan dipantau melalui borang *home surveillance* yang diisi atas talian. Maklum balas para kontak akan disemak dan dikemaskini oleh pihak unit penyaringan kontak melalui '*home surveillance*' setiap hari sepanjang tempoh mereka dikuarantin atau cuti sakit. Unit penyaringan kontak akan menghubungi kontak sekiranya terdapat simptom-simptom merbahaya ataupun sekiranya kontak tidak memberi sebarang maklumbalas. Sekiranya didapati simptom kontak serius, mereka akan dirujuk ke HCTM untuk rawatan lanjut.


Selain kontak, *home surveillance* juga dilaksanakan ke atas kakitangan HCTM positif COVID-19 yang telah dirawat, sembuh dan discaj daripada wad hospital. Kesihatan mereka juga dipantau setiap hari sepanjang tempoh kuarantin ditetapkan. Tambahan pula, unit penyaringan kontak juga memantau kes-kes kontak kepada *Person Under Investigation* (PUI) serta kakitangan HCTM yang baru pulang dari luar negara.



PROSES PENGELASAN KONTAK DALAM KALANGAN KAKITANGAN



PENGELASAN ZON KONTAK COVID-19 KEPADA KAKITANGAN HCTM



Jika **TERDEDAH** kepada kontak, sila maklumkan Bilik Gerakan COVID-19 HCTM dengan kadar **SEGERA** di talian :

- Tel : 03-9145 4949 / 4959
- HP / Whatsapp : 019-2901522
- Emel : cprchctm@ppukm.ukm.edu.my

Jika anda telah membuat saringan covid secara persendirian (di luar HCTM), **silalah MAKLUMKAN** Bilik Gerakan COVID-19 HCTM.

PENAUNG

Prof. Dato' Dr Hanafiah Harunarashid

KETUA PENGARANG

Prof Madya Dr Mohd Rohaizat Bin Hassan

KETUA EDITOR

Prof Madya Dr Azimatun Noor Aizuddin

PENGARANG

Prof Madya Dr Azmawati Mohammed Naw

Prof Madya Dr Rozita Hod

Prof Madya Dr Norfazilah Ahmad

Prof. Madya Dr. Asrul Bin Abdul Wahab

Prof. Madya Dr. Tzar Mohd Nizam Bin Khaithir

Dr. Faiz Daud

Dr. Sharifah Azura Salleh

Dr. Petrick @ Ramesh A/L K Periyasamy

Dr. Najma Kori

PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Mohd Afiq Arifin

Sazman Wahab

Mohd Firdaus Habib

Mohd Rizam Abd Rahman

Azman Ariff

Fadly Syah Arsad

Mohd Izzar Anwari Abdul Khani

Muhammad Hilmi Mahmud

Puteri Sofia Nadira

Ariff Azfarahim Ibrahim

Rumaizah Mohd Nordin

Ummi Mirza Baharudin

Normaslina Mustaza

Intan Kartina A Karim

Juliana Mansor

Thivyadharshini A/P Uvaraju

Norayuni Mohd Ismail

Khairul Hazdi Yusof

Izyani Bahari

Zurina Mohamad Saleh

Muhd Fazly Nizam Bin Rashdi

JURUGAMBAR

Mohd Afiq Arifin

Rosli Nasir JMP

GRAFIK

Mohd Firdaus Habib

Sazman Wahab

PERCETAKAN

Mohd Rizam Abd Rahman

PENGEDARAN

Khairul Hazdi Yusof



**PERKHIDMATAN
E-SOKONGAN
PSIKOLOGI**
UNTUK KAKITANGAN HCTM

#KitaAtasiBersama

Konsultasi adalah melalui
telefon ataupun aplikasi Skype

SILA HUBUNGI
03 - 8600 9800
010 - 3424 861

Waktu perkhidmatan **8am - 5pm**
Untuk kes kecemasan di luar
waktu pejabat, hubungi
03-91457135 / 7138

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS



<https://t.me/psyHCTM>

JABATAN PSIKIATRI HCTM

Perkhidmatan sokongan psikologi disediakan oleh Jabatan Psikiatri HCTM. Adakah anda mengalami gejala-gejala berikut:

Perasaan sedih yang berpanjangan ?



Perasaan gelisah yang tidak mampu dikawal ?



Stres, terlalu letih dan 'burnout' akibat waktu kerja yang panjang dan tidak menentu ?

